

05 NOV 1999

Mahathir-Arkitek

ARKITEK PERLU REKABENTUK BANGUNAN SESUAI DENGAN PERALATAN

PUTRAJAYA, 5 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu arkitek-arkitek tempatan merekabentuk bangunan mengikut kesesuaian peralatan yang akan digunakan.

Beliau berkata, walaupun arkitek tempatan telah berjaya membina bangunan-bangunan unik di negara ini namun masih ada bangunan yang belum dapat disesuaikan dengan peralatan-peralatan baru.

"Saya tak puashati bila banyak bangunan belum disesuaikan dengan alatan baru khususnya "air cond", masih digantung ditingkap...kadang-kadang berderet di luar menjadikan bangunan yang cantik, kurang cantik," katanya ketika berucap melancarkan buku "KLIA Gateway to Malaysia", di Jabatan Perdana Menteri di sini.

Beliau turut menegur masih terdapat banyak penghuni rumah-rumah pangsa yang menyidai pakaian di tingkap rumah mereka sekali gus mencemar pemandangan sekitar kawasan itu.

"Oleh itu perkara-perkara seperti ini hendaklah diberi perhatian oleh arkitek sama ada kita akan bentuk bangunan sesuai dengan alatan atau kita bentuk alatan itu sesuai dengan bangunan," katanya.

Dr Mahathir juga mengimbas pembangunan negara ini sejak merdeka dengan bangunan pejabat kerajaan ketika itu dibina dengan rekabentuk yang sama.

"Bila kita capai kemerdekaan, kita merdeka dalam keadaan miskin. Dalam keadaan terdesak itu, kita bina jabatan-jabatan kerajaan sama bentuk sahaja seperti kotak-kotak rokok dan bangunan-bangunan ini masih ada," katanya.

Menurut beliau, apabila pendapatan negara bertambah dan negara berjaya dibangunkan, kerajaan telah membina bangunan khusus untuk satu-satu jabatan atau Kementerian.

"Oleh itu, sejak kebelakangan ini kita tak ada lagi "standard building". Setiap bangunan khusus untuk satu-satu Kementerian supaya ianya agak "berbeza".

Beliau turut mengucapkan tahniah kepada arkitek-arkitek di negara ini serta Persatuan Arkitek Malaysia (PAM) yang berjaya membina bangunan-bangunan unik di negara ini seperti kompleks kerajaan di Putrajaya.

Pada majlis itu, Dr Mahathir menerima Anugerah Presiden daripada Presiden PAM Prof Datuk Parid Wardi.

Menurut Parid, anugerah yang pertama kali diperkenalkan itu diberi kepada Perdana Menteri kerana sumbangannya dalam pembangunan senibina negara.

Ia juga bagi menghargai sumbangan Dr Mahathir dalam membawa teknologi baru dan komitmen beliau kepada rekabentuk dan pembinaan, katanya.

Buku berkulit tebal dan dengan 150 muka surat itu dipenuhi dengan gambar-gambar pemandangan di sekitar Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang.

Buku terbitan Architectural Sign Network Sdn Bhd itu dijual pada harga RM250 sebuah.

-- BERNAMA

NZ PR